

## **Dua wanita didakwa kerana menjalankan perniagaan secara haram**

**MIRI:** Dua wanita dalam dua kes berasingan masing-masing dikenakan denda RM900 atau seminggu penjara oleh Mahkamah Majistret di sini kerana kesalahan menjalankan suatu perniagaan secara haram.

Alice Shimba Billy John, 28, dari Lutong Baru dan Chieng Ai Qi, 21, dari Bintulu didakwa mengikut Seksyen 3 (1) Ordinan Perniagaan, Profesional dan Pelesenan Perdagangan.

Mengikut kesalahan ini mereka boleh dikenakan denda RM1,000 jika sabit kesalahan.

Berdasarkan kes pertama, Alice didapati menjalankan suatu perniagaan iaitu men-

jual kad prabayar judi dalam talian tanpa mempunyai lesen sah dikeluarkan Majlis Bandaraya Miri (MBM).

dia didakwa melakukan kesalahan itu jam 5.40 petang, pada 28 Ogos lalu di sebuah premis, Jalan Permaisuri di sini.

Manakala dalam kes kedua, Chieng didapati melakukan kesalahan serupa dengan menjalankan suatu perniagaan tanpa mempunyai lesen sah dikeluarkan oleh MBM.

Kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh jam 6 petang, pada 28 Ogos lalu di sebuah premis di Pusat Komersil Emart, Jalan Miri-Bintulu.

Pendakwaan dilakukan ASP Mary Ong di hadapan Majistret Leona Dominic Mojiliu.